

Semua ketua parti komponen berdiri teguh belakang PM - Najib BN sokong Abdullah

Oleh **ROZAMAN ISMAIL**
dan **HABIBAH OMAR**

PUTRAJAYA 14 Jun - Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini sebulat suara menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Pengerusi BN dan Perdana Menteri Malaysia.

Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, mesyuarat jawatankuasa pengurusan BN yang dihadiri semua kelua parti komponen hari ini juga akan sentiasa berdiri teguh di belakang Abdullah yang memperoleh mandat besar pada pilihan raya umum 2004 lalu.

"BN memperoleh mandat besar daripada rakyat dan kami berazam untuk terus melaksanakan keyakinan dan amanah rakyat.

"Keyakinan rakyat akan kami jadikan sebagai satu peringatan dan landasan untuk BN mengamalkan prinsip kerajaan yang bertanggungjawab kepada rakyat. Kita akan laksanakan segala-galanya yang terbaik untuk rakyat dan untuk negara," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat berkenaan di sini hari ini.

Ditanya, adakah kenyataan itu dikeluarkan sebagai reaksi kepada kritikan bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada Abdullah, Najib berkata, mesyuarat turut membineangkan perkara tersebut.

Kenyataan itu, katanya dikeluarkan sebagai menyatakan keyakinan terhadap kepimpinan masa kini dan keputusan yang dibuat kerajaan adalah keputusan terbaik dalam keadaan sekarang.

Dr. Mahathir pada 7 Jun lalu membuat kritikan keras terhadap kerajaan dengan mendakwa ia telah melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang telah dibuat oleh pentadbiran yang dipimpinnya sebelum ini.

Menurut Najib, parti-parti komponen BN juga yakin dengan, semua keputusan yang dibuat oleh kerajaan merupakan keputusan terbaik untuk kepentingan rakyat berasaskan pada prinsip tanggungjawab bersama dan

BN sokong Abdullah

semangat permuafakatan.

"Oleh itu sebarang keputusan yang kita buat itu adalah keputusan terbaik mengikut keadaan dan situasi yang timbul pada sesuatu masa," katanya.

Sehubungan itu juga, kata Najib, jawatankuasa pengurusan BN ingin menyarankan kepada semua ahli parti komponen BN untuk terus berusaha mengukuhkan perpaduan dalam parti dan tidak membenarkan sebarang perkara yang boleh melemahkan keyakinan pada kepimpinan parti atau membawa kepada sebarang perpecahan dalam parti.

Kepada satu soalan sama ada mesyuarat menganggap kritikan Dr. Mahathir sebagai tidak adil kepada kerajaan, Najib berkata, Dr. Mahathir mempunyai hak untuk mengkritik apa sahaja, tetapi parti-parti komponen BN menganggap sebarang keputusan diambil kerajaan adalah betul dengan mengamhil kira kepentingan rakyat setiap masa.

"Sama ada ia adil atau tidak, terpulang kepada rakyat untuk menilainya. Kami percaya kita bertindak demi kepentingan rakyat dan kita akan terus berbuat demikian. Kita

tidak akan sesekali mengkhianati kepercayaan rakyat," tegasnya.

Najib menegaskan, kenyataan bekas Perdana Menteri itu juga tidak menimbulkan perpecahan atau kegelisahan dalam parti kerana ahli-ahli parti memberi sokongan penuh kepada kepimpinan sekarang manakala rakyat pula sentiasa yakin dengan kerajaan sedia ada.

Mengenai arahan Abdullah agar semua Kementerian berkaitan menjawab dakwaan Dr. Mahathir, Najib berkata, semua menteri terlibat akan memberi penjelasan dengan

sebaik-baiknya bagi meyakinkan rakyat.

"Kami percaya kerajaan mempunyai fak? ta dan kita akan memberi penjelasan yang sebaik-baiknya malah kerajaan telah pun menjelaskannya banyak kali. Tetapi jika rakyat merasakan kerajaan perlu menjelaskan dengan lebih terperinci lagi, kita bersedia untuk melakukannya," kata beliau lagi.

Ditanya adakah kritikan Dr. Mahathir menimbulkan keraguan atau tanda tanya kepada orang awam, Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu menerima haki-

kat bahawa setiap kali ada pandangan atau kritikan dibuat ke atas kerajaan sudah tentunya sedikit sebanyak membawa kepada timbulnya elemen-elemen keraguan atau ketidaktentuan di kalangan rakyat.

Kepada satu soalan sama ada terdapat segelintir ahli parti yang tidak senada dengan parti berikutan isu ini, Timbalan Perdana Menteri berkata, majoriti ahli parti menyokong tindakan kerajaan.

"Walaupun ada satu dua suara yang berbeza pendapat tetapi sebahagian besarnya bersama kerajaan," katanya.